

**Alif Satar
tolak politik,
akui belum
layak bergelar
Datuk »21**



PEMIKIRAN BAHAS Utusan Malaysia

Punca pencemaran laut, ancam kehidupan marin

9 billion tan plastik dibuang setahun

Oleh ARIF AIMAN ASROL
aiman.asrol@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Dianggarkan sejumlah sembilan bilion tan plastik digunakan dan dibuang rakyat Malaysia setiap tahun, sekali gus dilihat

menjadi punca utama kepada pencemaran laut dan mengancam kehidupan marin.

Menerusi data Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) pada 2022, mendapati daripada 210,966 sisa plastik yang di-

hasilkan, hanya 33.16 peratus dikitar semula.

Perkara ini menyebabkan Malaysia direkodkan berada di tangga kelima tertinggi di dunia dalam isu pencemaran laut iaitu dengan kadar 2.29 kilogram (kg) plastik perkapita digunakan

rakyat setiap tahun.

Pencemaran laut itu turut menjelaskan terumbu karang di negara ini yang disahkan sedang mengalami kelunturan secara besar-besaran.

Bersambung di muka 2



Kering kontang

PARAS air di Tasik Bukit Merah, Perak telah menyusut kepada paras 6.096 meter menyebabkan empangan tersebut semakin kering kontang sehingga menampakkan dasarnya. - UTUSAN/MUHAMAD NAZREEN SYAH MUSTHafa

9 billion tan plastik dibuang setahun

Dari muka 1

Tinjauan Jabatan Laut dari April hingga Jun menunjukkan lebih 50 peratus terumbu karang terutamanya di Kepulauan Taman Laut seperti Pulau Payar (Kedah), Pulau Perhentian, Pulau Redang, Pulau Tenggol (Terengganu), Pulau Tioman (Pahang) dan Pulau Pemanggil (Johor) semakin terjejas.

Keinapan tiada penggunaan beg plastik yang dilancarkan Kementerian Alam Sekitar dan Air sejak lebih 10 tahun lalu dengan sokongan dan kerjasama negeri-negeri seperti Selangor yang mengenakan caj 20 sen bagi setiap pembelian beg plastik, manakala Putrajaya, Pulau Pinang, Perlis, Johor, Negeri Sembilan mengharamkan penggunaan bekas plastik, seolah-olah tidak memberi sebarang kesan.

Ketua Makmal di Institut Pengajian Sains Sosial Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Haliza Abdul Rahman berkata, penggunaan plastik dalam kalangan rakyat sudah menjadi amalan dan tidak terkawal.

Menurut beliau, dianggarkan secara purata sebanyak sembilan bilion plastik digunakan setiap tahun dan sebahagian besarnya berakhir di lautan sehingga menyebabkan berlaku pencemaran dan mengancam nyawa haiwan marin.

"Antara penyumbang pencemaran yang kritikal ke atas ekosistem laut ialah sisa plastik, haiwan marin berdepan risiko kepupusan angkara sikap manusia yang tidak bertanggungjawab dan mengabaikan kelestarian alam sekitar.

"Situasi ini amat membimbangkan kerana sisa plastik yang hanyut di lautan akan membahayakan dan mengancam nyawa hidupan marin yang memakan partikel berkenaan yang di-

“

Antara penyumbang pencemaran yang kritikal ke atas ekosistem laut ialah sisa plastik, haiwan marin berdepan risiko kepupusan angkara sikap manusia yang tidak bertanggungjawab dan mengabaikan kelestarian alam sekitar.”

"Dianggarkan 85 peratus daripada plastik ini berakhir di tapak pelupusan sampah atau sebagai sisa tidak terkawal," jelasnya.

Beliau berkata, pemahaman terhadap usaha-usaha dan pelan yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi memastikan penggunaan plastik mencapai sifar masih lemah dalam kalangan rakyat.

Jelasnya, kajian menunjukkan kesedaran mengenai usaha dilakukan kerajaan adalah hanya 44 peratus yang mengetahui tentang pelan tindakan tersebut, manakala hanya 64 peratus mengetahui larangan penggunaan penyedut minuman plastik.

"Sementara itu, hanya 56 peratus rakyat Malaysia yang prihatin dengan isu plastik sekali guna," katanya.

Tambahnya, isu lambakan plastik memerlukan kerjasama daripada pihak industri iaitu pengeluar.

"Membiarakan korporat dan syarikat meneruskan perniagaan mereka seperti biasa, hanya akan mempromosikan penyelesaian palsu kepada krisis sisa plastik dan pencemaran plastik akan berterusan.

"Untuk mengatasi pencemaran plastik, kita memerlukan kerajaan untuk memacu perubahan termasuk menggubal dan melaksanakan dasar untuk menghadkan pengeluaran plastik, memastikan syarikat beralih daripada produk dan pembungkusan plastik kepada alternatif yang selamat.

"Pengeluar produk plastik mestilah dipertanggungjawabkan dari segi undang-undang untuk mengumpulkan kembali produk mereka selepas digunakan dan untuk kitar semula atau guna semula. Pengeluar seharusnya memastikan bahawa aktiviti mereka tidak mencemar alam sekitar dan menjadikan kesejahteraan manusia," katanya.